

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN :

YB. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan Kementerian sehingga hari ini ekoran lawatan Perdana Menteri ke Royal Belum dan telah mengumumkan supaya dijalankan usaha untuk mendapat pengiktirafan hutan tertua dunia dari UNESCO.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Royal Belum telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan di bawah kategori Warisan Semulajadi pada tahun 2012. Ia merangkumi kawasan seluas 117,500 hektar dan terletak di utara Semenanjung Malaysia yang bermula dari Banjaran Titiwangsa. Hutan ini kaya dengan haiwan dan tumbuhan mengagumkan yang belum pernah diteroka atau diganggu oleh kehadiran manusia.

Susulan daripada lawatan YAB Perdana Menteri ke Royal Belum pada 9 Mei 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah mengadakan perbincangan pada 19 Mei 2014 dalam usaha untuk mengangkat Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Antara pihak yang terlibat dalam perbincangan tersebut ialah Jabatan Warisan Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Perak, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak dan Perak State Park.

Hasil daripada perbincangan tersebut, didapati bahawa kawasan Belum sahaja layak diangkat sebagai calon Malaysia untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO manakala kawasan Temenggor tidak bersedia untuk dicalonkan kerana di kawasan ini telah terdapat pembangunan yang menyebabkan

keasliannya terganggu dan akan menjelaskan pencalonan jika dimasukkan bersama Belum. Tapak Belum dilihat hanya dapat memenuhi satu kriteria sahaja iaitu kriteria “*contain the most important and significant natural habitats for in-situ conservation of biological diversity, including those containing threatened species of Outstanding Universal Value from the point of view of science or conservation*”.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum sesuatu tapak diangkat ke UNESCO untuk dimasukkan sebagai Senarai Tentatif (*Tentative List*), data dan maklumat lengkap perlu dikumpulkan kerana setiap penyenaraian akan dinilai terlebih dahulu oleh UNESCO.

Borang *Tentative List* dijangka akan dihantar ke UNESCO sebelum akhir tahun ini. Selepas itu kawasan *Core* dan *Buffer* perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri. Sekiranya tapak ini diterima masuk ke dalam *Tentative List* pada tahun hadapan, dijangkakan bahawa penyediaan *dossier* pencalonan akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua (2) atau tiga (3) tahun.

Sekian, terima kasih.